



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**PEMAKLUMAN TITAH KDYMM TUANKU SULTAN KEDAH MENGENAI  
LARANGAN PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH OLEH ORANG BUKAN ISLAM**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الحمد لله وحده لا شريك له والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله، وعلى آله وصحبه ومن والاه.

Beta dengan ini bertitah bahawa,

Kalimah الله adalah nama khas kepada ALLAH (Tuhan Yang Maha Esa), ALLAH yang tidak melahirkan dan tidak dilahirkan. ALLAH menamakan diri-NYA dengan nama ALLAH dan ALLAH ini hanya disembah dengan sebenarnya oleh umat Islam sahaja. **Orang bukan Islam sama sekali tidak dibenarkan menggunakan kalimah suci ini kecuali untuk tujuan yang bukan untuk menyekutukan Allah dengan apa-apa juga ciptaan-NYA.**

Beta tegaskan bahawa beriman kepada Allah yang merupakan rukum iman yang pertama adalah akar aqidah bagi umat Islam. Islam amat mengutamakan keharmonian dalam kepelbagaian anutan, namun dalam isu akidah atau kepercayaan, Islam amat tegas dan sama sekali tidak boleh mencerooboh sempadan beragama berdasarkan firman-Nya:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ.<sup>1</sup>

Maksudnya: *Bagi kamu agama kamu dan bagi aku (Muhammad) agama aku (Muhammad).*

Demi meneruskan kesinambungan keharmonian sejagat, tanpa mengira agama dan bangsa, setiap lapisan rakyat di Negeri Kedah Darul Aman yang diwarisi

sejak zaman berzaman, maka Beta menyeru seluruh anak negeri bumi bertuah ini agar segera berhenti daripada berbahas dan berdebat apatah lagi mengusik kesucian kalimah Allah seperti yang telah dikanunkan mengikut hukum Syarak dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Negeri Kedah Darul Aman.

Perlu diingat, jika isu kalimah Allah ini tidak ditangani dengan penuh berhati-hati di bawah suluhan wahyu dan kedaulatan undang-undang, Beta amat bimbang dipenghujungnya seluruh manusia akan terperangkap dalam pertikaman lidah dan permusuhan yang tiada berkesudahan yang akhirnya boleh menggugat kerukunan hidup dan kestabilan negeri dan negara.

**Saranan tegas ini Beta muktamadkan, berpandukan pasak-pasak berikut;**

i. Perintah Allah ﷻ;

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي<sup>2</sup>

Maksudnya: *"Sesungguhnya Akulah Allah; tiada Tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah solat untuk mengingati Daku."*

ii. Seksyen (9) Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Negeri Kedah Tahun 1988 dengan jelas memperuntukkan bahawa antara beberapa kalimah yang hanya boleh digunakan oleh orang Islam adalah kalimah Allah.

iii. Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa yang telah diwartakan pada 21 April 2010;

***"Bahawasanya penggunaan "Lafzul Jalalah" iaitu kalimah Allah hanya khusus dan eksklusif untuk umat Islam sahaja. Agama selain daripada Islam adalah tidak boleh dan dilarang menggunakannya dalam apa jua bentuk penerbitan bertulis, media cetak, media elektronik, audio visual dan yang seumpamanya."***

Sekali lagi Beta ingatkan bahawa sebagai Ketua Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, semua pihak hendaklah akur dan taat akan titah Beta ini demi memelihara kesucian kalimah Allah dan ketenteraman awam.

**TARIKH KEPUTUSAN : 24 MAC 2021**